


Sistem Suria



Sistem Suria terdiri daripada Matahari, 8 buah planet, asteroid, komet, meteorit dan meteoroid

Planet-planet dalam Sistem Suria

Planet Utarid

- Planet terkecil dan terdekat dengan matahari.
- Permukaan utarid diliputi dengan kawah-kawah asteroid dan tebing yang berpuluh-puluh kilometer tingginya.
- Langit utarid kelihatan gelap kerana tiada atmosfera untuk menyerakkan cahaya.
- Planet ini tidak berwarna, terdapat kawah diliputi habuk halus, dataran, gunung dan lembah.



Planet Zuhrah

- Planet kedua terdekat dengan matahari.
- Dikenali sebagai planet rumah hijau kerana kandungan karbon dioksida yang tinggi di dalam atmosferanya.
- Berputar dari timur ke barat menyebabkan matahari terbit dari barat.
- Mempunyai saiz dan usia yang sama dengan Bumi tetapi iklimnya lebih panas dengan suhu sekitar 406 °C.
- Berwarna jingga, berpasir dan berbatu, terdapat dataran-dataran besar, gunung berapi dan kawah yang luas.



Planet Bumi

- Planet ketiga terdekat dengan matahari.
- Merupakan satu-satunya planet yang mempunyai hidupan.
- Lapisan atmosfera Bumi bertujuan untuk melindungi Bumi daripada angin suria, sinaran ultraungu berbahaya dan radiasi dari angkasa lepas.
- 71% kawasan Bumi dilitupi air dan 29% dilitupi tanah dan daratan(dataran, gunung dan gunung berapi).



Planet Marikh

- Planet keempat dari matahari.
- Dikenali sebagai planet merah.
- Mempunyai dua bulan iaitu Phobos dan Demos.
- Atmosfera terbahagi kepada dua iaitu kawasan yang lebih cerah dilitupi debu dan pasir kemerahan dan kawasan kutub mengandungi air beku dan karbon dioksida.
- Berwarna kemerahan, berpasir dan berbatu, terdapat dataran-dataran besar, gunung berapi dan kawah yang luas.



Planet Musytari

- Planet terbesar dan kelima dari matahari.
- Jisim musytari adalah 320 kali ganda daripada Bumi dan jisimnya dua kali ganda daripada jumlah jisim semua planet dalam sistem suria.
- Mempunyai daya graviti yang sangat kuat dan mampu memesonkan objek besar daripada menghentam bumi. Oleh itu, musytari dikatakan sebagai pelindung bumi.
- Tidak mempunyai permukaan yang keras dan hanya dilitupi oleh gas.



Planet Zuhul

- Planet kedua terbesar dan keenam dari matahari.
- Mempunyai gegelang atau cecincin yang terdiri daripada ais dengan sejumlah kecil serpihan batuan dan debu.
- Setakat ini, para saintis menemui 62 bulan yang mengorbit di sekeliling Zuhul.
- Titan ialah bulan terbesar di Zuhul selepas Ganeymede. Saiznya dikatakan lebih besar daripada Utarid.
- Tidak mempunyai permukaan yang keras dan hanya dilitupi oleh gas.



Planet Uranus

- Planet ketiga terbesar dan ketujuh dari matahari.
- Unsur utama di dalam Uranus ialah ais dan batu. Dikenali sebagai planet gergasi bergas.
- Mempunyai cecincin seperti zuhal tetapi sangat nipis dan gelap hingga sukar dilihat.
- Planet yang mempunyai banyak bulan.
- Paksi putaran zuhal adalah condong ke sisi dan hampir selari dengan orbitnya yang mengelilingi matahari.
- Tidak mempunyai permukaan yang keras dan hanya dilitupi oleh gas.



Planet Neptun

- Planet kelapan dari matahari.
- Seperti Zuhul, Neptun dikenali sebagai planet gergasi bergas.
- Merupakan planet yang paling jauh dengan matahari.
- Tidak mempunyai permukaan yang keras dan hanya dilitupi oleh gas.

